

28 FEB 1998

Mahathir-Brunei

BRUNEI AKAN MELABUR DI MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Brunei telah menyatakan hasrat untuk melabur di Malaysia "dalam apa jua bidang yang berfaedah", kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan dengan Sultan Hassanal Bolkiah Brunei di sini, Dr Mahathir berkata tiada jumlah yang disebutkan mengenai cadangan pelaburan Brunei di Malaysia.

Katanya Agensi Pelaburan Brunei (BIA) akan membincangkan potensi pelaburan itu dan menguruskan segala perkara mengenainya.

Perbincangan itu diikuti dengan majlis santapan tengah hari yang diraikan oleh Dr Mahathir.

Semasa ditanya sama ada terdapat cadangan konkrit daripada Brunei dalam menangani keadaan kewangan dan ekonomi di rantau ini, Dr Mahathir berkata: "Ia tidaklah konkrit tetapi kita bimbang dengan kemerosotan mata wang Asia yang akan mencetuskan banyak masalah bagi semua negara."

Antaranya masalah penghijrahan penduduk dari negara-negara yang paling terjejas dengan krisis mata wang itu, katanya.

Sultan Hassanal tiba di sini malam tadi untuk lawatan sehari.

Sultan Hassanal diiringi adindanya Pengiran Jefri Bolkiah, yang merupakan pengerusi BIA.

Ditanya sama ada Brunei akan melabur di Malaysia dalam jangka masa setahun ini, Perdana Menteri berkata beliau agak pasti mereka mungkin membuat keputusan awal.

"Mereka mungkin juga membeli saham-saham dalam pasaran tempatan contohnya. Saya tidak tahu kerana semuanya adalah terbuka," katanya.

Dr Mahathir berkata BIA akan mengambil sedikit masa untuk menguruskan semua aspek mengenai pelaburan di Malaysia.

Ditanya sama ada Brunei berminat melabur dalam infrastruktur di Malaysia, Dr Mahathir berkata mereka berminat sebahagian besarnya dalam pelaburan.

Dr Mahathir dan Sultan Hassanal turut membincangkan mengenai cadangan menggunakan mata wang tunggal Asean dalam menghadapi masalah kewangan dan ekonomi yang melanda beberapa negara Asia.

"Tetapi itu merupakan sesuatu yang boleh diputuskan kemudian," kata Dr Mahathir.

Katanya negara-negara Asean akan melihat bagaimana Eropah melaksanakan mata wang tunggalnya Euro "sama ada ia berjaya, apakah kelemahannya dan sebagainya".

Ditanya sama ada terdapat persetujuan antara beliau dan Sultan Hassanal bahawa Dollar Singapura harus menjadi mata wang tunggal Asean, Perdana Menteri berkata tiada persetujuan mengenainya.

"Malah cadangan supaya kita menggunakan mata wang Singapura dibuat oleh Persatuan Peladang Thai.

"Kita tidak menolaknya. Sebaliknya kita tidak pernah benar-benar memikirkan untuk menggunakan mata wang Singapura bagi tujuan ini," kata Dr Mahathir.

Ditanya sama ada beliau membincangkan sebarang peranan khusus yang boleh dimainkan Malaysia atau Brunei dalam membantu negara-negara terbabit di rantau ini, katanya tidak.

Perdana Menteri berkata mereka membincangkan kerjasama umum antara sembilan negara anggota Asean dan bagaimana untuk mengatasi masalah kewangan sekarang.

Asean dianggotai Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Sultan Hassanal dijadual berlepas pulang petang ini.

Jumlah dagangan antara Malaysia dan Brunei tahun lepas adalah sebanyak RM830 juta dengan eksport Malaysia berjumlah RM763 juta.

Eksport Malaysia ke Brunei termasuk makanan, minyak sayuran, kimia, barangan buatan, peralatan jentera dan pengangkutan.

Malaysia mengimport sejumlah besar minyak mentah dari Brunei.

--BERNAMA

ES RON